

# **Badudun Kitani PIBK Labuan – Limbang**



LABUAN- Sektor Pengurusan Sekolah, Jabatan Pendidikan WP Labuan telah menganjurkan Program “BADUDUN KITANI PIBK LABUAN-LIMBANG ” anjuran bersama Yang Dipertua PIBG dan PGB WP Labuan telah mengadakan lawatan ke Sekolah-sekolah PIBK Cemerlang di Limbang pada 27-29 April 2017. Seramai 24 orang ahli rombongan terdiri daripada pegawai JPNWPL, PGB, YDP dan AJK PIBG.

Rombongan yang diketuai oleh Puan Zaliha Mohd Salleh, Ketua Unit Perhubungan, Pendaftaran dan Pendidikan Swasta selaku pegawai meja PIBK JPNWPL bersama YDP PIBG dan PGB Wp Labuan telah disambut oleh Encik Mohamad Haji Tangah Pegawai Pendidikan Daerah Limbang.



Puan Maimoon menyampaikan cenderamata kepada Encik Mohamad

Lawatan ini bertujuan untuk memantapkan pengurusan PIBG serta mewujudkan pemuaafakan komuniti ke arah perubahan paradigma seluruh anggota masyarakat mengenai kepentingan keterlibatan semua pihak dalam kemenjadian murid-murid di WP Labuan melalui PIBK sekolah seterusnya dapat menjalin kerjasama dengan PGB dalam pengurusan PIBK di sekolah.

Program ini menjadi platform kepada PIBG di Labuan untuk berkongsi dengan sekolah cemerlang PIBK seperti SK Ulu Lubai dan SMK Medamit. Rombongan juga diberi penerangan oleh Encik Mohamad Haji Tangah Pegawai Pendidikan Daerah Limbang tentang pencapaian akademik sekolah-sekolah di Limbang .



Jalinan Kerjasama Guru Besar Labuan dengan Guru Besar SK Ulu Lubai

Encik Jaul Bunyau berkata sesuatu yang unik mengenai sekolah ini ialah sokongan dan kerjasama masyarakat setempat dalam semua aktiviti dirancang bagi melonjakkan kecemerlangan sekolah termasuk gotong-royong dan membantu sekolah menyediakan makanan pelajar. Semangat dan komitmen luar biasa guru besar, guru dan ibu bapa menjadi rahsia kejayaan Sekolah Kebangsaan (SK) Ulu Lubai, dipilih sekolah pedalaman pertama di negara ini yang diiktiraf sebagai Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT). Kejayaan itu hasil usaha bersama guru dan ibu bapa yang komited dalam semua aktiviti pembelajaran, pengajaran dan kokurikulum murid di situ.

Lawatan ke Sekolah Menengah Kebangsaan Medamit, rombongan telah dibawa melawat ke kelas abad 21, Bilik Seni yang dilengkapi dengan pakaian tarian tradisional sarawak dan juga tarian melayu. Layanan mesra yang diberikan kepada

rombongan daripada Raja Manikam, Pengetua SMK Medamit dan guru-guru menampakan komitmen yg jitu pendidik kepada anak-anak didik di sekolah tersebut.



Para pelajar SMK Medamit

Turut hadir bersama Puan Maimoon Hj Matnoh, Ketua Sektor Pengurusan Sekolah, Pengetua guru besar serta YDP dan ahli PIBG.

**Berita Oleh : Sektor Pengurusan Sekolah**

---

**400 Orang Calon SPM 2017  
Sertai Program Sejarah**



Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan dengan kerjasama Management Science University (MSU) menganjurkan Ceramah dan Bengkel Teknik Menjawab serta Belajar Sejarah secara Aktif, Kreatif, Inovatif dan Efektif bertempat di Dewan SM Sains Labuan. Bengkel dikendalikan oleh Puan Hanita Ladjaharun, Guru Cemerlang Sejarah dari SMK Bandaraya Kota Kinabalu.

Menurut penyelaras program, Encik Mohd Nizam bin Yasim, bengkel kali ini melibatkan 15 guru dan 400 calon SPM 2017 daripada semua sekolah menengah di Labuan termasuk murid daripada Labuan International School(LIS), SMAIWP dan Kolej Vokasional.

Tujuan utama bengkel ini adalah untuk meningkatkan kemahiran menjawab Sejarah di peringkat SPM dalam kalangan calon-calon SPM tahun ini. Pengajur berharap agar program ini akan menjadi tiang kepada jambatan kejayaan murid dalam SPM 2017 terutamanya dalam mata pelajaran Sejarah.



Pada masa ini di peringkat sekolah menengah, ia adalah mata pelajaran yang wajib diambil oleh setiap pelajar dan wajib lulus, sebagai syarat untuk mendapatkan sijil SPM. Langkah menjadikan mata pelajaran Sejarah sebagai syarat wajib lulus di peringkat SPM mulai tahun 2013 bukan untuk membebankan pelajar, sebaliknya bertujuan meningkatkan pengetahuan mereka mengenai sejarah Negara.

**Berita Oleh : Sektor Pengurusan Akademik**

---

**Maitah Badudun Kitani,  
Mesra Kg Generasi Cemerlang  
kali kedua**



**22 April** – Sektor Pengurusan Sekolah, Jabatan Pendidikan WP Labuan telah menganjurkan Program “Maitah Badudun Kitani, Mesra Kg Generasi Cemerlang” buat kali kedua bagi zon 2 di Kampung Layang-layangan selaku tuan rumah melibatkan ketua-ketua kampung Sg Labu, Bukit Kalam, Sg Bangat, Pulau Akar, Pengetua Dan Guru Besar Zon 5, YDP PIBG SK Layang-layangan, SK Bukit Kalam dan SMK Mutiara.

Program ini diadakan untuk memantapkan pemuaafakatan komuniti ke arah perubahan paradigm seluruh anggota masyarakat mengenai kepentingan keterlibatan semua pihak dalam kemenjadian murid-murid di WP Labuan ini.

Antara pengisian program pada kali ini adalah pembentangan perkongsian amalan terbaik daripada anak jati kampung yang terlibat yang disampaikan oleh Cik Juraidah Hj Aman, Guru Cemerlang Matematik di SMK Taman perumahan Bedaun. Juraidah berkongsi bagaimana cara untuk menjadi kan mata pelajaran matematik tersebut supaya menjadi mata pelajaran yang digemari oleh para murid.

Perkongsian amalan terbaik juga disampaikan oleh En Sudin

Hj Samat dijadikan IKON anak jati Kampung Sungai Labu yang berjaya. Encik Saminan Hj Sabtu, Penolong Kanan Ting 6, SMK Labuan WP Labuan dan Cik Sajaratul Aqira Hamidon, Pengurus Amal Palestin Berhad, WP Labuan juga turut membentangkan peranan dan tanggungjawab jabatan masing-masing dalam membantu warga Palestin. Pameran Amal Palestin turut diadakan.



Encik Raisin Saidin menyampaikan sijil penghargaan

Encik Saminan juga membentangkan kebaikan dan kelebihan-kelebihan yang terdapat apabila murid-murid menyambung pelajaran ke tingkatan 6.

Selain itu program ini juga memberi penghargaan kepada individu yang banyak menyumbangkan tenaga, material, dan juga kepakaran untuk pemangkin kemenjadian murid-murid

melalui PIBK. Anugerah Khas PIBK ini telah diberikan kepada En Saminan Bin Hj Sabtu bagi zon 5 ini.

Encik Raisin Saidin, Pengarah Pendidikan Labuan dalam ucapannya, program ini dapat mengimbau semula pengalaman dari seorang murid kepada orang yang berjaya melalui perkongsian amalan terbaik daripada anak-anak jati dari kg yang terlibat.

Di samping itu, murid-murid juga dapat satu pengalaman dalam aktiviti apabila menjawab soalan-soalan pengalaman dalam kertas peperiksaan bahasa melayu.

Beliau berharap supaya pihak sekolah khususnya PGB utk mengenalpasti anak-anak dari kampung yang terlibat memastikan anak-anak ini lulus dalam peperiksaan agar apabila anak-anak ini meninggalkan sekolah ada mempunyai sijil pendidikan.

Encik Raisin Saidin juga berharap agar warga Labuan mengambil peluang menikmati kemakmuran Negara ini untuk meningkatkan prestasi pendidikan anak masing-masing.

Puan Zaliha binti Mohd Salleh, selaku Pegawai Meja PIBK, JPNWPL memaklumkan program ini akan diteruskan lagi kepada Zon 3 pada bulan Mei nanti.

Ketua Kampung Layang-Layangan juga melahirkan rasa kesyukuran dengan adanya program ini. Beliau berkata program ini bukan saja dapat menyatukan Jabatan pendidikan dengan warga kampung, malahan program ini dapat melahirkan rasa kepunyaan warga kampung itu sendiri terhadap kemenjadian anak-anak mereka.



YB Rozman dalam ucapan perasmian

YB Datuk Rozman bin Hj Isli, Ahli Parlimen dalam ucapan perasmiannya turut mengucapkan tahniah kepada Jabatan Pendidikan WP Labuan kerana berjaya meneruskan program Maitah Badudun MKGC untuk kali yang kedua.

Beliau juga turut mengucapkan tahniah kepada ketua kampung Layang-layangan dan ketua kampung yang terlibat sama menjayakan program ini. Beliau akan terus memastikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat dapat disampaikan kepada penduduk kampung.

Beliau juga berharap agar program ini dapat diteruskan dan memberi peluang terbaik untuk berkongsi maklumat dalam bidang pendidikan bersama warga kampung.

Turut hadir, Puan Maimoon bin Hj Matnoh, Ketua Sektor Pengurusan Sekolah, wakil Amal Palestin, serta Pengetua/GBesar dan ibu bapa penerima anugerah

pencapaian akademik cemerlang.

**Berita Oleh : Sektor Pengurusan Sekolah**

---

## **120 Peserta ikuti Program Mendepani Cabaran Aqidah Umat**



Seramai 120 peserta telah mengikuti Program Mendepani Cabaran Aqidah Umat Siri 2, anjuran Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama Unit Pendidikan Islam, Sektor Pengurusan Akademik (SPA), Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan.

Program ini dirancang untuk membincarakan persoalan aqidah umat islam, khususnya kepada warga pendidikan. Pengisiannya menjurus kepada pengukuhan aqidah yang sah iaitu yang menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah. Program ini juga diharap dapat memberikan kefahaman yang mantap bagi menghadapi serangan-serangan aqidah hari ini seperti fahaman syiah, liberalisme & pluralisme agama, salafi wahabi, millah abraham dan ajaran hakikat makrifat.

Majlis yang diadakan di Mini Auditorium Anjung Budaya, Taman Damai, Layang-Layangan baru-baru ini telah disempurnakan perasmianya oleh Timbalan Pengarah Pengurusan Dakwah dan Syiar Islam, KPM, Puan Hajjah Kamariah Isa. Turut hadir Dakwah Kepimpinan , Bahagian Pendidikan Islam, KPM Tuan Haji Arifuddin Abd Hamid dan Ketua Sektor Pengurusan Akademik, Puan Norismah Ab Moin. Hadir sama Pegawai Yayasan Murni Aqidah, Tengku Rozaidin Tengku Yazid dan Ketua Unit Pendidikan Islam, JPWPL, Ustaz Mohd Syahir Yusoff.

Program ini turut disokong oleh Yayasan Murni Aqidah, Pertubuhan Dakwah Islamiah Sekolah-Sekolah Malaysia (Pekdis) cawangan Labuan dan Pusat Pungutan Zakat (PPZ) Labuan.

**Petikan Sumber Dari : New Sabah Times 26 April 2017**

---

# **Majlis Anugerah Kecemerlangan Sekolah SMK**

# Labuan



SMK Labuan berazam untuk terus menghasilkan peningkatan prestasi dalam bidang akademik, kurikulum dan sahsiah murid, menangani semua cabaran yang dihadapi secara sistematik dan strategik, menjunjung slogan SMK LABUAN JUARA : SETIAP MURID BERNILAI dengan menghargai dan menggilap potensi murid yang mempunyai latar belakang dan kebolehan yang berbeza-beza. Demikian ucapan Pengetua SMK Labuan dalam Majlis Anugerah Kecemerlangan Sekolah (MAKES) yang telah diadakan pada 22 April 2017 (Sabtu) di Dewan Mutiara SMK Labuan.

MAKES diadakan bagi memberikan pengiktirafan terhadap pencapaian cemerlang pelajar dalam bidang kurikulum seperti peperiksaan PT3, SPM dan STPM, dan Hal Ehwal Murid (HEM). Ianya juga memberikan penghargaan dan pengiktirafan terhadap komitmen para guru dan panitia yang berjaya meningkatkan keputusan dalam peperiksaan awam.



Antara ibu bapa dan hadirin yang hadir memeriahkan majlis

Majlis meraikan pelajar dan guru ini telah dirasmikan oleh Encik Raisin Saidin, Pengarah Pendidikan Negeri, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan.

Dalam ucapannya beliau berkata, slogan “SMK Labuan Juara : Setiap Murid Bernilai” memang bertepatan sekali slogan ini dizahirkan kerana kita sedar bahawa setiap pelajar yang datang ke sekolah pada setiap hari ini mempunyai bakat atau kecenderungan masing-masing.

“Keistimewaan dan kebolehan seseorang pelajar itu bukan terletak kepada kecemerlangan dalam pelajaran sahaja tetapi dalam bidang kurikulum, sukan ataupun keistimewaan dirinya yang tidak ada pada pelajar lain”, jelasnya. Segala kelainan bakat dan kebolehan pelajar SMK Labuan ini telah berjaya mengangkat nama SMK Labuan untuk cemerlang dalam bidang kurikulum dan juga kokurikulum.

Sementara itu, Dato’ Sri Hj Amir Bin Hussien (Ketua Pegawai Eksekutif Oscenia Network Technology Sdn Bhd, merangkap Bapa Angkat Korporat SMK Labuan juga berkesempatan memberikan ucapan dalam majlis tersebut.

Beliau berkata, dalam persaingan global yang semakin sengit sekarang dan juga pada masa akan datang, kecemerlangan akademik sahaja tidak mencukupi. Dalam realiti dunia sebenar, kecemerlangan akademik merupakan satu bonus, tetapi beberapa faktor lain juga perlu dibangunkan sejak peringkat sekolah supaya murid-murid mudah menghadapi dunia kerjaya yang kompetitif.

“Kemahiran komunikasi sangat penting, kemahiran interpersonal, psikologi, kemahiran berunding, kemahiran pelbagai bahasa akan memberi kelebihan kepada murid-murid kita untuk bersaing dengan pihak-pihak lain di luar sana.”, katanya.

Dato' Sri Hj Amir Bin Hussien telah berbesar hati untuk menyerahkan sumbangan sebanyak RM20,000.00 kepada SMK Labuan sebagai tanda komitmen beliau terhadap usaha gigih guru-guru memberikan pendidikan cemerlang kepada murid-murid SMK Labuan.



Sumbangan daripada Dato' Sri Hj Amir untuk SMKL

Bekas pelajar tingkatan 5 tahun 2016, Shahira Nadzira Rizal telah dinobatkan sebagai Tokoh Pelajar SMK Labuan

2016. Beliau cemerlang dalam bidang akademik bermula daripada peperiksaan UPSR, PT3 sehingga mencapai keputusan cemerlang dalam SPM. Beliau juga memegang jawatan kepimpinan seperti Pengawas Sekolah, Pengurus Kelab dan Persatuan. Dalam bidang akademik beliau merupakan Pembahas Terbaik Bahasa Inggeris Peringkat Labuan Tahun 2014 hingga 2016.



Raisin menyampaikan anugerah Tokoh Pelajar 2016, Shahira Nadzhira

Hadir bersama, Tn Hj Md Yusof Bin Hj Chuchu, Yang Dipertua PIBG SMK Labuan dan ASP Halimah Binti Abdullah, Pegawai Perhubungan Polis SMK Labuan.



Pelajar Cemerlang STPM Nurisfarini Sulong PNGK 3.92



Pelajar Cemerlang STPM Mariel Gabriel Moinjil PNGK  
3.92

# Pengurusan Bilik Darjah Berkesan : Guru Prihatin, Murid Cemerlang



**18 April** – Pengurusan Bilik Darjah Berkesan: Guru Prihatin, Murid Cemerlang, begitulah intipati penting amanat dari Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan WP Labuan Encik Raisin Saidin dalam perhimpunan bulanan bagi bulan April 2017.

*“Dalam menyemarakkan PdPc Abad ke-21 maka peranan Guru Prihatin menjadikan murid cemerlang ialah menjadi Pengurus Bilik Darjah. Guru Prihatin perlu bijak mengawal kelas, dapat menimbulkan suasana kemesraan antara guru dengan murid dan memastikan kelas berada dalam keadaan kondusif sebelum memulakan sesi pembelajaran dan pengajaran”, katanya dalam ucap tama majlis tersebut.*

Majlis juga diserikan dengan pelancaran Pelan Strategik Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan 2017-2018

dengan tajuk ‘Memacu TS 25’ telah disempurnakan oleh Encik Raisin bersama ketua-ketua sektor.

Pelan Strategik ini merupakan pelan jangka pendek yang memfokuskan aspirasi dan kemenjadian murid.

Ini diikuti dengan penyampaian cenderamata dan sijil penghargaan kepada warga pendidikan yang telah bersara bagi menghargai pengorbanan, jasa dan sumbangan yang telah diberikan selama ini khususnya dalam dunia pendidikan.



Pesara guru, Puan Kamsiah menerima sijil dan cenderamata dari Encik Raisin Saidin

Penyampaian anugerah khas pengarah, penyerahan surat kenaikan pangkat, sijil ‘*staff of the month*’ dan sambutan hari lahir merupakan agenda tetap majlis bagi meraikan dan menghargai warga pendidikan Labuan.

Majlis Perhimpunan Bulanan ini telah diadakan di Pusat Kokurikulum Negeri dan dihadiri oleh ketua-ketua Sektor, para pengetua dan guru besar, ketua-ketua unit, guru yang diraikan serta sebahagian warga Jabatan Pendidikan WP Labuan.

---

# **SK Lubok Temiang Juara Sukan Pra Sekolah Labuan 2017**



Sekolah Kebangsaan Lubok Temiang (SKLT) muncul juara Kejohanan Sukan Mini Pra Sekolah Kali Ke-11 peringkat Wilayah Persekutuan Labuan selepas meraih 2 emas dan 1 gangsa.

Pada kejohanan yang diadakan di Kompleks Sukan Labuan, pada Sabtu lalu. menyaksikan SK Pekan Dua menduduki tempat kedua dengan 1 emas dan 1 perak manakala tempat

ketiga dimenangi tiga sekolah iaitu SK Kerupang, SK Membedai dan SK Pekan Satu yang masing-masing mendapat 1 emas.

Majlis perasmian sukan itu disempurnakan oleh Pengarah Jabatan Pendidikan Labuan, Raisin Saidin. Turut hadir Ketua Sektor Pengurusan Sekolah, Maimoon Haji Matnoh dan Ketua Unit Pendidikan Awal Kanakkanak Dan Pra Sekolah, Diah Mohd Yussof.

Kontinjen SK Lubok Temiang dikendalikan tiga jurulatih, Samih Kukung, Nurmi Anuar dan Nasrun Ramli. Samih yang juga guru Pra Sekolah berkata kejayaan itu sangat bermakna kerana pada tahun lalu, SK Lubok Temiang hanya berjaya memasuki final.

Dua pingat emas yang diperoleh ialah menerusi Ahmad Arkaan Israq Ridzuan dalam acara individu lelaki 60 meter dan Lari Berganti-ganti 4X50 Lelaki yang diberisi Ahmad Arkaan Ridzuan, Muhammad Zulqhzaimi Zulkaply, Reagan Patan George dan Muhammad

Sebanyak 14 pasukan menyertai kejohanan yang berlangsung selama dua hari itu.

**Sumber Berita : Utusan Borneo 19 April 2017**

---

## **Pengiktirafan kepada Murid, Guru dan Sekolah Labuan**



**Labuan, 18 Apr** – Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan meraikan murid-murid dan para guru yang menempa kejayaan yang membanggakan dalam bidang Kokurikulum, Sukan dan Hal Ehwal Murid sepanjang tahun 2016 di Majlis Anugerah Gemilang kali ke-16 bertempat di Dewan CUN, SK Pekan Satu, Labuan hari ini.

Majlis Anugerah Gemilang kali ke-16 diadakan bagi memberi pengiktirafan kepada murid, guru dan sekolah yang mencapai tahap prestasi terbaik dalam bidang Hal Ehwal Murid, Kokurikulum dan Sukan. Sesungguhnya anugerah ini dapat menjadi penyuntik semangat dan motivasi murid, guru dan sekolah untuk mencapai prestasi terbaik dalam bidang yang diceburi.

Majlis telah disempurnakan oleh Encik Raisin Saidin, Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan. Beliau menzahirkan rasa bangga dan mengucapkan tahniah kepada semua murid, guru dan sekolah yang telah berusaha bersungguh-sungguh bagi mengharumkan nama Labuan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

*“Kepada Agensi Kerajaan dan Agensi Bukan Kerajaan, saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih di atas komitmen dan kerjasama dalam program-program yang*

*dianjurkan oleh jabatan ini. Dengan pemuaafakan dan gandingan bahu ibu bapa, angggota masyarakat, rakan media, sektor swasta, agensi kerajaan dan bukan kerajaan ini, kita telah menjana kecemerlangan pada tahun lepas”, katanya.*



Encik Raisin Saidin bersama murid dan guru SM Sains Labuan



Kenangan murid dan guru SMK Rancha-Rancha

Sebanyak 20 kategori telah disampaikan termasuk anugerah Jasamu Dikenang iaitu suatu anugerah kepada warga pendidikan yang banyak memberi sumbangan bakti dalam bidang Hal Ehwal Murid, Kokurikulum dan Sukan. Anugerah ini telah diberikan kepada Encik Sulaiman Madin, mantan Guru Besar SK Tanjung Aru dan Tuan Haji Salamat Daliman, mantan Ketua Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan, JPWPL.



Encik Raisin Saidin menyampaikan anugerah Jasamu Dikenang kepada Encik Sulaiman dan Tn Haji Salamat

Hadir sama dalam majlis tersebut, Encik Hasbollah Amit, Ketua Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan, Encik Omar Baki Matusin, Yang Dipertua Majlis Pengetua Sekolah Malaysia, Labuan, En Jaafar Matusin, Guru Besar SK Pekan Satu dan Puan Dg Sarifah Mahmood Naib YDP Majlis Guru Besar Labuan.

---

## **Kerjasama Dua Sekolah, Wilayah dan Negara**



Seramai 20 guru dan pelajar SMK Rancha-Rancha menjayakan program Lawatan Pengantarabangsaan Jalinan Muhibah SMKRR Ke SM Menglait Gadong, Brunei Darussalam pada 8 April

lalu.

Penolong Kanan Hal Ehwal Pelajar, Yahya Ahmad Puteh yang juga Ketua Rombongan berkata rombongan itu terdiri daripada Penolong Kanan Pentadbiran (Ustaz Abd Rahman Ahmad), Penolong Kanan Kokurikulum (Fauziah Idris), tiga Ketuaketua Bidang, sembilan guru dan lima pelajar tingkatan 3.

Katanya, rombongan SMK Rancha-Rancha bertolak ke SMK Menglait Muara Brunei Darussalam pada 8 April 2017 dan disambut oleh Pengetua SM Menglait, Haji Mohidin Nordin.

Ahli rombongan dibawa melawat ke setiap kelas di mana pada hari tersebut sesi pembelajaran sebelah pagi adalah aktiviti kokurikulum.

Selepas lawatan, Haji Mohidin menyampaikan taklimat di bilik mesyuarat yang turut dihadiri Penolong Pengetua 1, Hajah Khadijah Haji Mohd Salleh, Penolong Pengetua 2, Dgku Nurul Aminatun Faridah Pg Haji Mohd Ali dan Pegawai Kegiatan Luar Kementerian Pendidikan Brunei Darussalam, Shahirah Haji Yusuf.

Mohidin menyatakan rasa kesyukuran atas kedatangan rombongan dari SMK Rancha–Rancha.

Beliau sangat gembira atas kunjungan SMKRR dalam menjalankan persahabatan dan bertukar-tukar idea terutama dari segi perancangan strategi pembangunan sekolah.

Sempena taklimat itu, beliau telah membentangkan kejayaan akademik SM Menglait untuk pengetahuan rombongan SMKRR.

Beliau juga memberi jaminan bahawa hubungan baik ini akan terus terjalin antara kedua-dua sekolah.

Mohidin berharap agar persahabatan akan terus berkekalan demi samasama membangunkan perkembangan akademik, kokurikulum dan sahsiah di kedua-dua sekolah.

Walaupun berlainan negara dan cara pentadbiran sekolah tetapi tujuan, visi dan misi adalah sama iaitu melahirkan insan yang berguna di dalam masyarakat dan sentiasa memelihara nilai-nilai budi pekerti yang baik dan taat beragama.

Beliau juga menyatakan hasrat akan membuat lawatan balas ke SMKRR bagi melihat pula bagaimana SMKRR mengurus tadbir sekolah untuk dicontohi dan sesuai diaplikasi di SM Menglait.

Sementara itu, Yahya Ahmad Putih berkata Pengetua SMK RanchaRancha, Omar Baki Matussin tidak dapat bersama-sama dalam rombongan tersebut kerana bertugas di luar negara.

Beliau juga memaklumkan Pengarah Pendidikan Labuan, Raisin Saidin yang pada mulanya dijadulkan menyertai rombongan berkenaan tetapi terpaksa dibatalkan atas tugas-tugas rasmi yang tidak dapat dielakkan.

Yahya mengucapkan jutaan terima kasih atas kesudian SM Menglait menerima kunjungan daripada SMK Rancha-Rancha.

Katanya, lawatan itu bertujuan untuk menjalinkan persahabatan antara dua sekolah bertaraf antarabangsa sekaligus penghubung antara duabuahnegaraiaituMalaysia dan Brunei Darussalam.

“Ini juga merupakan KPI Pengetua, Omar Baki yang inginkan SMKRR membuka langkah merentas benua menjalinkan hubungan pengantarabangsaan sekolah demi memberi ruang dan peluang pelajar-pelajar SMKRR membuka minda seluas-luasnya dan bertukartukar idea bersama pelajar dari sekolah lain di luar dari lingkungan Labuan khasnya dan Malaysia amnya selain merupakan satu proses pembelajaran Abad ke21,”katanya.

Yahya juga telah menyuarakan hasrat SMKRR kepada Pengetua SM Menglait Brunei Darussalam untuk menjayakan program

pertukaran pelajar.

"Program ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut bersama pengetua. Diharap program ini akan berjalan seperti yang dijadualkan," katanya.

Yahya menyatakan kekagumannya terhadap SM Menglait yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Penghantar sekolah itu yang juga merupakan Bahasa Penghantar semua sekolah di Brunei Darussalam.

Katanya, inilah yang akan menjadi keuntungan kepada pelajar-pelajar SMKRR jika program pertukaran pelajar dilaksanakan.

Mereka akan dapat mengukuhkan lagi peggunaan Bahasa Inggeris mereka semasa menjalani program itu.

Pertukaran pelajar dirancang selama seminggu di mana pelajar SMKRR akan bersekolah di SM Menglait, dan pelajar SM Menglait akan mengikuti pembelajaran di SMKRR.

Jelas Yahya, objektifnya hanya satu iaitu memberi ruang dan peluang mereka merasai sistem pendidikan di kedua-dua negara dan dapat menimba ilmu daripada perkongsian tersebut.



Lawatan sambil belajar itu diakhiri dengan pertukaran cenderamata antara kedua-dua pihak.

Sumber Berita : Utusan Borneo 18 April 2017

---

# **SMK Labuan anjur Majlis Interaksi Akademik dan Sentuhan Hati Pelajar-Pelajar Pra Universiti**



Majlis Interaksi Akademik dan Sentuhan Hati Pelajar-Pelajar Pra Universiti SMK Labuan telah diadakan di Dewan Mutiara sekolah tersebut pada 15 April 2017 (Sabtu) lalu.

Program itu diadakan untuk menerangkan tentang sistem pembelajaran dan pentaksiran STPM serta kelebihan-kelebihan Tingkatan 6. Ianya juga untuk interaksi akademik antara pelajar, ibu bapa dan guru-guru. Majlis itu bertujuan bagi penetapan sasaran gred setiap mata pelajaran dan Purata Nilai Gred Kumulatif setiap pelajar.

Pada majlis itu, diadakan lafaz ikrar kecemerlangan pelajar-pelajar Pra U yang disaksikan ibu bapa dan guru-guru. Seramai 125 pelajar bersama ibu bapa atau penjaga masing-masing menghadiri program tersebut. Turut hadir Yang Di Pertua PIBG SMK Labuan, Haji Md Yusof Haji Chuchu dan Penolong Kanan Pra U, Saminan Sabtu.

Sementara itu, ketika merasmikan program tersebut, Pengetua SMK Labuan, Ismail Abdullah berkata pada tahun ini pihaknya meletakkan sasaran pencapaian STPM 2017 iaitu Gred Purata Sekolah (GPS) 2.80 (berbanding 2.54 tahun 2016) dan bilangan pelajar cemerlang PNGK 3.00 ke

atas seramai 41 orang berbanding 31 orang tahun 2016.

Ismail berharap agar ibu bapa sentiasa memberi sokongan dan dorongan kepada anak-anak untuk mencapai kejayaan dalam STPM 2017.Katanya, kelayakan STPM diiktiraf oleh IPTA dalam dan luar negara serta diiktiraf sebagai kelayakan untuk jawatan-jawatan dalam perkhidmatan awam bertaraf diploma.Beliau tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada YDP PIBG yang sentiasa memberi sokongan dan bantuan kewangan dalam menjayakan program-program Pra U SMK Labuan.

“Pensyarah Pra U juga bertekad untuk memastikan lebih ramai pelajarnya mencapai keputusan yang cemerlang dalam STPM 2017,”katanya.

**Sumber Berita : Utusan Borneo 18 April 2017**